

## BAB 4 : NEGERI SEMBILAN SEBAGAI SEBUAH PERSEKUTUAN

1889 - 1898

### PENGENALAN

Negeri Sembilan muncul sebagai sebuah Persekutuan menjelang lewat abad ke- 19. Sebelum itu Negeri Sembilan terdiri daripada beberapa wilayah kecil yang ditadbir oleh penghulu dan undang masing-masing. Walaupun campur tangan British di Negeri Sembilan secara khasnya dan di Tanah Melayu secara amnya bertujuan untuk melindungi kepentingan ekonominya agar tidak tergugat disebabkan huru hara yang berlaku di dalam negeri, namun campur tangan kuasa barat inilah yang membawa kepada penyatuan wilayah-wilayah kecil dalam satu persekutuan yang lebih teguh dan unik dikenali sebagai Negeri Sembilan yang wujud pada hari ini.

Dalam mengukuhkan kuasanya di Negeri Sembilan, British telah berusaha untuk menyatukan wilayah-wilayah ini ke dalam satu ikatan yang lebih kukuh. Dengan adanya sebuah perikatan yang lebih teguh British dapat memudahkan pengawalan dan pemerintahan ke atas negeri tersebut. Bagi mencapai matlamatnya pihak British telah menandatangani pelbagai perjanjian dengan pemerintah tempatan di antara tahun 1870-an hingga 1890-an. Walaupun perjanjian bertarikh 23 November 1876 telah dimeterai di antara Yam Tuan Antah dengan Penghulu - penghulu Ulu Muar, Johol, Gunung Pasir, Jempol dan Inas bersama-sama Gabenor

Negeri-Negeri Selat namun ia hanya membawa kepada pengiktirafan Tengku Antah sebagai Yam Tuan Seri Menanti sahaja.<sup>1</sup>

Walau bagaimanapun selepas kemangkatan Yam Tuan Antah pada 22 Oktober 1887 akibat demam campak ia tidak membawa kepada pengiktirafan putera sulung Tunku Antah iaitu Tengku Muhammad sebagai Yam Tuan Seri Menanti daripada Undang Sungai Ujong, Rembau dan Jelebu. Malahan wilayah-wilayah tersebut ditadbir secara bebas oleh pembesar-pembesar tersebut. Situasi ini membimbangkan pihak British yang sedang berusaha ke arah penyatuan wilayah-wilayah tersebut di bawah satu pemerintahan bagi memudahkan aspek pentadbiran.

#### **BIBIT - BIBIT AWAL KE ARAH PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN**

Tidak terdapat satu sumber yang jelas bagi menunjukkan bila dan bagaimana rancangan ke arah sebuah persekutuan mula diketengahkan. Namun semasa Frederick Weld<sup>2</sup> berada di Melaka, Yam Tuan Seri Menanti iaitu Tunku Antah telah berjumpa dengan Weld dan mencadangkan supaya wilayah-wilayah Jelai (termasuk Inas), Gemencheh dan Johol disatukan di bawah Seri Menanti.<sup>3</sup> “ Tunku Antah, the Yam Tuan of Sri Menanti Confederation came to me and said there was neither order nor revenue in three states ( Jelai and Inas, Gemencheh and Johol) and that he wished to put three of them under Sri Menanti.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Weld kepada Derby, 10 Januari 1884, CO 273/126.

<sup>2</sup> Frederick Aloysius Weld tiba pada 6 Mei 1880 sebagai Gabenor Negeri - Negeri Selat ketika berusia 57 tahun.(Philip Loh Fook Seng, *The Malay States 1877 - 1895, Political Change and Social Policy*, London: Oxford University Press, 1969, hlm. 36.

<sup>3</sup> Weld kepada Derby, 10 Januari 1884, CO 273/126

<sup>4</sup> Ibid.

Tunku Antah dalam cadangannya juga meminta seorang Residen bagi membantu dalam aspek pentadbiran.<sup>5</sup> Weld tidak dapat melayan tuntutan Tunku Antah kerana “The local chiefs and people of these states as in Rembau are hardly yet prepared for such a change”.<sup>6</sup> Malahan masalah yang menarik perhatian Weld pada ketika itu ialah konflik di antara Rembau dan Tampin.<sup>7</sup>

Ini adalah kerana melalui Perjanjian 1876 di antara Jervois dan pemerintah - pemerintah Jempol, Gunung Pasir, Terachi, Ulu Muar, Inas, Johol dan Seri Menanti ia membawa kepada penyatuan wilayah-wilayah tersebut di bawah pemerintahan Tengku Antah namun Rembau, Jelebu dan Tampin masih wujud sebagai wilayah yang bebas. Sementara itu Sungai Ujong pula kekal sebagai wilayah naungan British yang ditadbir oleh seorang Residen.<sup>8</sup>

Dengan ini boleh dikatakan kejayaan awal penyatuan Negeri Sembilan hanya bermula pada 13 Julai 1889 apabila sebuah perjanjian dimeterai di antara Yam Tuan Seri Menanti dengan Undang Sungai Ujong, Rembau, Jelebu dan Tengku Besar Tampin. Perjanjian ini telah ditandatangani dengan Gabenor Negeri-Negeri Selat iaitu Cecil Clementi Smith.<sup>9</sup>

---

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Ibid.

<sup>7</sup> Philip Loh, op. cit., hlm.37.

<sup>8</sup> Philip Loh , hlm.38.

<sup>9</sup> Smith kepada Knutsford, 30 Ogos 1889, CO 273/161

Di dalam perjanjian tersebut dinyatakan persetujuan Yam Tuan Seri Menanti berserta dengan pemerintah Johol ( termasuk Gemencheh), Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir dan Terachi serta pemerintah Tampin dan pemerintah Rembau untuk meletakkan diri mereka di bawah perlindungan Kerajaan British.<sup>10</sup> Sementara itu artikel kedua (Sila Rujuk Lampiran 4 ) menyebut:

“ The above mentioned Rulers of the respective States hereby agree to constitute their countries into a confederation of states to be known as the Negri Sembilan”.<sup>11</sup>

Di samping itu pemerintah wilayah-wilayah tersebut menyatakan hasrat untuk menerima seorang Residen British bagi membantu dalam aspek pentadbiran persekutuan tersebut.<sup>12</sup> Perkara yang menarik dalam perjanjian tersebut ialah artikel pertama yang menyatakan Yam Tuan Seri Menanti bersama pemerintah-pemerintah yang menandatangani perjanjian tersebut bersetuju “... to place themselves under the protection of the British Government”.<sup>13</sup> Ini menunjukkan betapa bijaknya pihak British mengatur langkah bagi memudahkannya mengawal wilayah-wilayah dalam Negeri Sembilan setelah disatukan ke dalam sebuah persekutuan. Matlamat tersebut dikukuhkan lagi melalui perlantikan seorang Residen British yang berperanan untuk menasihati para pembesar dalam aspek pentadbiran.

Jika dilihat secara teliti dalam setiap perjanjian yang ditandatangani oleh pihak British dengan pemerintah tempatan, syarat yang dikenakan ialah meletakkan negeri mereka di bawah perlindungan British dan penerimaan seorang Residen

<sup>10</sup> Smith kepada Knutsford, 30 Ogos 1889, CO 273/126.

<sup>11</sup> Ibid.

<sup>12</sup> Ibid.

<sup>13</sup> W. G. Maxwell and W.S. Gibson, hlm. 63

sebagai penasihat dalam semua aspek kecuali yang berkaitan dengan adat dan agama Islam. Dengan ini dapat dikatakan matlamat British meletakkan syarat sedemikian dalam setiap perjanjian yang dimeterai dengan pemerintah tempatan ialah setiap pihak harus merujuk kepada kuasa barat tersebut sebelum membuat sebarang keputusan yang berkaitan dengan urusan dalam negeri. Ini bertujuan untuk memastikan kedudukan British dalam arena politik di rantau ini terjamin.

Walaupun objektif utama perjanjian ini bertujuan untuk mewujudkan sebuah konfederasi yang digelar Negeri Sembilan namun pihak British juga memastikan perjanjian tersebut tidak mengancam kedudukan mereka dari segi politik dan ekonomi. Justeru itu artikel ketiga dalam perjanjian tersebut menyatakan seseorang pemerintah hanya boleh melaksanakan kuasanya di wilayah yang diperintahnya sahaja.<sup>14</sup> Ini bertujuan untuk mengelakkan sebarang pertengkaran dalam sesuatu wilayah yang boleh menyebabkan campurtangan pemerintah dari wilayah yang lain. Dengan adanya syarat sebegini, keamanan dapat diwujudkan dan pihak British dapat menjalankan aktivitinya tanpa sebarang gangguan dan ancaman dari pemerintah tempatan.

Persekutuan 13 Julai 1889 membawa kepada kewujudan dua daerah di Negeri Sembilan bagi tujuan pentadbiran. Pertama daerah Kuala Pilah yang terdiri dari negeri-negeri Seri Menanti dan Johol. Daerah yang kedua ialah Tampin yang mengandungi Rembau, Tampin dan Gemencheh.<sup>15</sup> Malahan seorang Pegawai Daerah

<sup>14</sup> Ibid.

<sup>15</sup> Annual Report of Sungai Ujong and Jelebu 1893, CO 435/1 hlm.128.

dilantik di setiap daerah.<sup>16</sup> Daerah-daerah ini ditadbir secara berasingan dan mempunyai organisasi pentadbirannya yang tersendiri seperti Pasukan Polis, Jabatan-jabatan Kerajaan dan jabatan yang menguruskan pendapatan dan perbelanjaan negeri.

Di samping itu sebuah Majlis Negeri ditubuhkan yang berfungsi:

“to promote the confederation of all these States, the progress of which having regard to the short time they have been brought under the influence of British protection is very marked”.<sup>17</sup>

#### **PERJANJIAN BRITISH - NEGERI SEMBILAN 1895**

Walaupun Perjanjian 13 Julai 1889 ditandatangani bagi mewujudkan sebuah konfederasi yang mengandungi kesemua wilayah dalam Negeri Sembilan namun Sungai Ujong dan Jelebu tidak dimasukkan dalam perjanjian tersebut. Ini membawa kepada cadangan daripada Gabenor Smith agar Sungai Ujong dan Jelebu dicantumkan dengan Selangor bagi tujuan pentadbiran. Ini adalah kerana Selangor merupakan sebuah negeri yang kaya dan pernah menjelaskan hutang Sungai Ujong sebanyak \$ 199,000 dalam tahun 1892.<sup>18</sup>

Pada masa yang sama persaraan William Francis Bourne Paul (Residen Sungai Ujong 1881 - 1893) dalam bulan Mei 1893 menyebabkan Egerton Eastwick

<sup>16</sup> Ibid.

<sup>17</sup> Smith kepada Knutsford, 18 Jun 1889, CO 273/160.

<sup>18</sup> Smith kepada Knutsford, 16 April 1892, CO 273/180.

dilantik sebagai ‘Officer In Charge’ bagi mentadbir wilayah Sungai Ujong dan Jelebu.<sup>19</sup>

Menurut R.N. Bland

“ I received a direct instruction but learned from Mr. Egerton’s instruction that he was for administrative purposes to be under the Resident of Selangor and would carry on the correspondence that has to be submitted to the Governor through the Resident of Selangor except in urgent matters when he would address the Colonial Secretary direct”.<sup>20</sup>

Malahan menurut Smith melalui pengetahuan yang luas dan pengalamannya sebagai Penolong Pendaftar Mahmamah Agung (Supreme Court) di Pulau Pinang selama dua tahun,<sup>21</sup> Egerton dipercayai dapat membawa ke arah kemajuan negeri - negeri tersebut.<sup>22</sup>

Walau bagaimanapun cadangan tersebut mendapat penentangan daripada beberapa pihak. C.P. Lucas umpamanya tidak menyokong rancangan Smith kerana dikuatirinya akan menakutkan pembesar-pembesar Sungai Ujong dan Jelebu.<sup>23</sup>

Tambahan pula:

“ working on the principles enunciated for the Negri Sembilan federation, that no rulers of one states should exercise authority in another and emphasizing the necessity of proceeding cautiously, the governor sees no need to hesitate about taking the preliminary step on steps to bring about what is desired”.<sup>24</sup>

---

<sup>19</sup> Smith kepada Ripon, 28 June 1893, CO 273/188.

<sup>20</sup> Annual Report of Sungai Ujong and Jelebu 1893, CO 435/1 hlm. 128.

<sup>21</sup> Smith kepada Knutsford, 9 September 1889, CO 273/161.

<sup>22</sup> Smith kepada Ripon, 28 Jun 1893, CO 273/188.

<sup>23</sup> C.P. Lucas kepada Ripon, 14 Ogos 1893, CO 273/188.

<sup>24</sup> Ibid.

Memandangkan tidak ada sambutan daripada pembesar Sungai Ujong dan Jelebu menyebabkan rancangan ini tidak berjaya. Menurut Martin Lister para pembesar bersungguh-sungguh menolak cadangan untuk bergabung dengan Selangor disebabkan hubungan yang kurang memuaskan di antara kedua-dua negeri tersebut. Malahan pemerintah Selangor dikatakan sedang melakukan segala yang patut bagi menyerang wilayah-wilayah di Negeri Sembilan bagi meluaskan pengaruhnya.<sup>25</sup> Walaupun Egerton telah memulakan tugasnya pada Julai 1893 dan cuba menyesuaikan diri bagi memberi nafas baru kepada aspek pentadbiran kedua-dua negeri tersebut tetapi sebelum penghujung tahun beliau telah dipanggil semula oleh pejabat kolonial untuk memegang jawatan lain. Beliau digantikan oleh R.N. Bland pada Disember 1893.<sup>26</sup>

Menjelang awal tahun 1894 Charles Mitchell telah memegang jawatan Gabenor (Oktober 1893-Disember 1899). Beliau mencadangkan untuk memisahkan Sungai Ujong dan Jelebu dari Selangor serta mencantumkan kedua wilayah tersebut dengan Negeri Sembilan di bawah seorang Residen yang akan ditempatkan di Seremban. Menurut Mitchell:

“The Negri Sembilan are a small confederation in which Sungei Ujong was in old days included, so that their combination under one Resident is historically sound as well as politically convenient”.<sup>27</sup>

<sup>25</sup> Annual Report of Sungai Ujong and Jelebu 1893, hlm. CO 435/1, hlm.163

<sup>26</sup> Ibid.

<sup>27</sup> Mitchell kepada Setiausaha Negeri, 24 Jun 1895, CO 273/204.

Melalui percantuman sebegini ia akan memudahkan pengawalan bukan sahaja dari segi perbelanjaan tetapi juga hasil yang diperolehi akan bertambah.<sup>28</sup> Di samping itu Mitchell juga merasakan kewujudan sebuah persekutuan merupakan satu langkah yang akan merapatkan hubungan di antara wilayah-wilayah tersebut.<sup>29</sup>

Mitchell telah mengadakan lawatan ke Negeri Sembilan pada Disember 1894 dan menyatakan kepada para pembesar mengenai cadangan tersebut. Walau bagaimanapun terdapat sesetengah pihak yang kurang menyenangi rancangan tersebut. Dato Bandar Sungai Ujong akibat dipengaruhi oleh Dato Penghulu Jelebu umpamanya tidak memberikan persetujuannya dalam rancangan tersebut kerana bimbang kuasanya akan berkurangan setelah bergabung dengan Seri Menanti.

Namun persetujuannya dapat diperolehi setelah Arthur Keyser (Pemungut dan Magistret Jelebu) memberi penerangan mengenai rancangan tersebut bukan sahaja kepada Dato Jelebu juga kepada pembesar-pembesar yang lain.<sup>30</sup> Setelah Keyser menerangkan bahawa tidak akan ada sebarang perubahan dalam kedudukan Dato Penghulu, ini membawa kepada persetujuan Dato Penghulu tersebut.

Menjelang 8 Ogos 1895 sebuah perjanjian ditandatangani di antara Yamtuan Seri Menanti dengan Empat Undang (Sungai Ujong, Rembau, Jelebu dan Johol) dan Tengku Besar Tampin untuk menujuhkan sebuah persekutuan yang dikenali sebagai Negeri Sembilan. (Sila Rujuk Lampiran 4.1) Melalui perjanjian tersebut mereka

<sup>28</sup> Annual Report of Sungai Ujong and Jelebu 1894, CO 435/1, hlm. 147.

<sup>29</sup> Mitchell kepada Ripon, 9 April 1894, CO 273/194

<sup>30</sup> Annual Report of Sungai Ujong and Jelebu 1895, CO 435/1, hlm. 163.

bersetuju meletakkan diri mereka di bawah perlindungan Kerajaan British.<sup>31</sup> Sebagai langkah awal Mitchell melantik Martin Lister sebagai Residen Negeri Sembilan yang pertama.

Lister adalah orang yang paling sesuai untuk memegang jawatan tersebut kerana hubungannya yang baik dengan para pembesar dan kemampuannya diyakini oleh penduduk.<sup>32</sup> Boleh dikatakan Lister merupakan seorang yang dipercayai oleh Mitchell kerana sewaktu beliau bercuti di England dari 26 Mac sehingga 13 November 1894<sup>33</sup> Mitchell menyatakan sehingga Lister kembali, beliau tidak bercadang untuk mengambil sebarang langkah bagi keputusan yang telah dibuat.<sup>34</sup>

Menurut Martin Lister;

“At the first meeting of the new(combined) State Council, the chiefs met on the very best of terms and I was glad to see the Dato Penghulu of Jelebu taking his place next to the Yam Tuan.<sup>35</sup>

Berdasarkan artikel pertama perjanjian tersebut Yam Tuan Seri Menanti bersama-sama pemerintah Johol, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Tampin meletakkan diri dan negeri mereka di bawah perlindungan Kerajaan British.<sup>36</sup> Manakala artikel kedua perjanjian tersebut menyebut pemerintah-pemerintah tersebut bersetuju untuk menggabungkan negeri mereka ke dalam sebuah persekutuan yang dikenali sebagai Negeri Sembilan. Di samping itu mereka juga menyatakan hasrat

<sup>31</sup> W.G. Maxwell and W.S. Gibson, hlm. 64.

<sup>32</sup> Ibid.

<sup>33</sup> Annual Report of Sungai Ujong and Jelebu 1894, CO 435/1, hlm.57.

<sup>34</sup> Mitchell kepada Ripon 9 April 1894, CO 273/194

<sup>35</sup> Mubin, hlm.71.

<sup>36</sup> W.G. Maxwell and W.S. Gibson, hlm. 64.

untuk menerima seorang Residen British yang nasihatnya akan diikuti dalam semua aspek pentadbiran kecuali yang menyentuh agama Islam dan adat resam.<sup>37</sup>

Satu aspek menarik yang begitu ketara dalam setiap perjanjian yang ditandatangani oleh British dengan pemerintah tempatan ialah penerimaan seorang Residen sebagai penasihat. Malahan dalam perjanjian-perjanjian sebelum ini juga memperlihatkan syarat yang sama. Misalnya artikel keenam Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 20 Januari 1874 di antara pihak British dengan pemerintah Perak telah membawa kepada perlantikan seorang Residen yang nasihatnya akan diminta dan diikuti dalam semua aspek pentadbiran kecuali yang berkaitan dengan adat dan agama Islam.<sup>38</sup> Dengan ini boleh dikatakan Perjanjian Pangkor telah menjadi asas dalam mengukuhkan kuasa British di Tanah Melayu melalui penerimaan seorang Residen British.

Residen British bagi Negeri Sembilan yang mula-mula dilantik ialah Martin Lister<sup>39</sup> dan ibu pejabatnya ialah di Seremban.<sup>40</sup> Malahan "...the Resident is the fulcrum on which the machinery of administration is supposed to balance: it must not be forgotten that he is filling a delicate and responsible position on very unusual conditions".<sup>41</sup> Justeru itu sistem Residen yang mula diperkenalkan di Perak diikuti oleh Selangor dan Sungai Ujong telah menular ke Negeri Sembilan dalam tahun

<sup>37</sup> Ibid

<sup>38</sup> R.J. Wilkinson, 'A History Of The Peninsular Malays, With Chapters On Perak and Selangor', Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm.104.

<sup>39</sup> Abdul Samad Idris, *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Berhad, 1968, hlm.71.

<sup>40</sup> Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874 - 1895*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1968, hlm. 115.

<sup>41</sup> Memorandum oleh Swettenham,23 Februari 1917 dalam SP 12/101/14, hlm..5. Didalam memorandum tersebut Swettenham menyatakan bahawa beliau merupakan pengasas kepada idea Persekutuan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu seperti yang dinyatakan di dalam bukunya *British Malaya*.

1895. Malahan ia boleh dikatakan sebagai satu sistem pentadbiran British secara tidak langsung dalam politik tempatan.

Perjanjian 1895 juga membawa kepada penubuhan sebuah Majlis Persekutuan Negeri Sembilan. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 19 Oktober 1895. Ahli-ahlinya selain Residen British terdiri daripada Yam Tuan Mohammad, Dato Bandar Ahmad (Sungai Ujong), Dato Syed Ali (Jelebu), Dato Serun (Rembau), Dato Wan Omar (Johol), Tengku Muda Chik Seri Menanti (pakcik Yam Tuan Mohamad), Tengku Dewa (Tampin), Dato Mohamad Bastan (Lingga) dan Kapitan Chin Who serta Kapitan Lee Sam.<sup>42</sup>

Di antara beberapa peraturan yang diluluskan dalam mesyuarat pertama ialah mengenai kod buruh, kod perlombongan, peraturan pencegahan, peraturan mengenai jalan keretapi, peraturan bagi mencegah jenayah dan peraturan mengenai sewa tanah. Para pembesar juga bersetuju untuk menggunakan sebuah bendera bagi persekutuan Negeri Sembilan.<sup>43</sup>

Tujuan penubuhan Majlis tersebut ialah untuk membincangkan dasar-dasar yang hendak dilaksanakan dalam sistem pentadbiran kerajaan. Walaupun ahli-ahli dalam Majlis Negeri berhak mempersoalkan sesuatu polisi tersebut namun mereka tidak mempunyai hak untuk menolak atau menerima polisi memandangkan keputusan mutlak terletak di tangan Residen.

---

<sup>42</sup> Mubin, hlm.69.

<sup>43</sup> Mubin, hlm.72

## PENYERTAAN NEGERI SEMBILAN DALAM NNMB

Menjelang awal abad ke-19 boleh dikatakan bahagian barat Semenanjung Tanah Melayu adalah lebih makmur berbanding dengan pantai timur.<sup>44</sup> Dengan itu pihak British bercadang untuk mengurangkan perbezaan di antara negeri-negeri tersebut di samping menyelaraskan aspek pentadbiran negeri-negeri tersebut. Melalui Perjanjian Persekutuan 1895 yang dikuatkuasakan pada 1 Julai 1896 negeri - negeri Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan disatukan di bawah satu pentadbiran pusat dan dikenali sebagai Negeri - Negeri Melayu Bersekutu.

Di antara beberapa sebab yang membawa kepada percantuman keempat - empat negeri tersebut ialah memandangkan setiap negeri telah berkembang dengan cara tersendiri maka dengan adanya sebuah persekutuan Swettenham berpendapat keseragaman dalam aspek pentadbiran dapat diwujudkan. Malahan “ it was increasingly necessary to secure some degree of administrative uniformity in the States and that the Governor dealing with four separate Residents either left them to their own devices or was himself overwhelmed with work”.<sup>45</sup>

Selain itu menurut A. C. Milner kewujudan sebuah persekutuan dapat mengukuhkan keselamatan NNMB kerana sebarang kekacauan yang berlaku dapat ditumpaskan melalui kekuatan tentera gabungan keempat - empat negeri tersebut.<sup>46</sup>

<sup>44</sup> Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya: Macmillan Publishers Sdn. Bhd., 1983, hlm. 212.

<sup>45</sup> Rupert Emerson, hlm.136.

<sup>46</sup> A.C. Milner, ‘ The Federation Decision 1895’, *JMBRAS*, Vol. XLII, Part 1, 1970, hlm. 106.

Perkara penting dalam penubuhan NNMB ialah perlantikan seorang Residen Jeneral yang berperanan sebagai penyelaras dan penyelia dalam aspek pentadbiran keempat-empat negeri tersebut di samping mengawasi kuasa Residen yang semakin meningkat. Selain itu Residen Jeneral juga merupakan Ketua Pegawai British di bawah Gabenor Negeri-Negeri Selat.<sup>47</sup> Di samping itu melalui sebuah persekutuan perkhidmatan-perkhidmatan seperti undang-undang, cukai, kesihatan dan pendidikan dapat disatukan dan diselaraskan.

Melalui sebuah persekutuan perlantikan pegawai-pegawai di setiap negeri dapat diselaraskan melalui satu perkhidmatan awam bagi keseluruhan persekutuan di bawah pengawasan beberapa ketua jabatan.<sup>48</sup> Tambahan pula "...these departments heads would be under the instructions of the Resident-General but would not be empowered to issue to their departments in any state orders opposed to the ruling of the Resident".<sup>49</sup> Perlantikan seorang Residen General tidak akan mengugat kewajipan pemerintah Melayu kepada Residen British yang ada dan yang akan dilantik dalam NNMB.<sup>50</sup>

Setelah rancangan persekutuan NNMB diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan, Frank Swettenham telah ditugaskan untuk mendapatkan persetujuan setiap pemerintah negeri yang terlibat. Di antara kandungan arahan tersebut ialah 'It will of course be most important to point out that in binding themselves and their states by this agreement the rulers will not in the slightest degree be diminishing the powers

---

<sup>47</sup> Ibid.

<sup>48</sup> Emerson, hlm. 137.

<sup>49</sup> Ibid.

<sup>50</sup> Maxwell, hlm. 71

and privileges which they now possess nor be curtailing the rights of self-government which they at present enjoy'.<sup>51</sup>

Malahan pemerintah-pemerintah dalam setiap negeri akan mengikut nasihat Residen Jeneral dalam semua perkara yang berkaitan dengan pentadbiran kecuali yang menyentuh agama Islam.<sup>52</sup> Residen Jeneral merupakan wakil Kerajaan British yang bertanggungjawab secara langsung kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat.

Sebagai langkah pertama ke arah persekutuan tersebut, Frank Swettenham yang merupakan Residen Perak pada ketika itu telah dihantar ke negeri-negeri yang berkenaan bagi mendapatkan persetujuan Raja-Raja Melayu yang terlibat.<sup>53</sup> Malahan Swettenham merupakan seorang yang paling berkelayakan dalam menjalankan tugas tersebut.<sup>54</sup>

Menjelang Julai 1895 Frank Swettenham tiba di Negeri Sembilan untuk mendapatkan pandangan para pembesar dan menurut Lister, mereka menandatangani Perjanjian Persekutuan di atas kehendak sendiri tanpa sebarang paksaan.<sup>55</sup> Malahan negeri-negeri tersebut bersetuju untuk bergabung dalam sebuah persekutuan dan menerima seorang Residen Jeneral.<sup>56</sup>

<sup>51</sup> Emerson, hlm. 137.

<sup>52</sup> Mitchell kepada Gabenor, 27 Mei 1895, CO 273/203.

<sup>53</sup> J.S. Sidhu, 'Pentadbiran British Di FMS Dalam Tahun 1896 - 1909', dalam *Malaysia: Sejarah Dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1979, hlm. 104.

<sup>54</sup> C.P. Lucas kepada Mitchell, 22 Disember 1893, CO 273/188.

<sup>55</sup> Annual Report Negeri Sembilan 1895, CO 435/1, hlm.4.

<sup>56</sup> Mitchell kepada C.P. Lucas, 8 November 1895, CO 273/203.

Walau bagaimanapun setiap pembesar yang terlibat tidak memberikan persetujuan dalam masa yang sama. Misalnya Dato Bandar Sungai Ujong mengambil masa setengah jam, Dato Jelebu juga mengambil masa selama setengah jam manakala Yam Tuan Seri Menanti bersama Dato Johol, Dato Rembau dan Dato Tampin mengambil masa selama tiga jam dalam memberikan persetujuan.<sup>57</sup>

Pada 1 Julai 1896 Perjanjian Persekutuan NNMB ditandatangani di antara Sultan Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.<sup>58</sup> Pemerintah-pemerintah tersebut bersetuju menerima seorang pegawai British yang bergelar Residen Jeneral. Beliau merupakan wakil Kerajaan British dan bertanggungjawab kepada Gabenor Negeri - Negeri Selat yang bergelar Pesuruhjaya Tinggi. Nasihat Residen Jeneral akan dipatuhi dalam semua aspek kecuali yang menyentuh adat Melayu dan agama Islam. Residen Jeneral yang pertama bagi NNMB ialah Frank Swettenham.<sup>59</sup>

#### **PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN 1898**

Walaupun konfederasi Negeri Sembilan yang ditandatangani dalam tahun 1895 membawa kepada penyertaan Sungai Ujong dan Jelebu dalam persekutuan tersebut namun kuasa menyeluruh Yam Tuan Seri Menanti belum diselaraskan. Ini bermakna setiap pemerintah dalam wilayah-wilayah di Negeri Sembilan masih bebas dengan kuasa masing-masing.

<sup>57</sup> J.S. Sidhu, op. cit., hlm.105.

<sup>58</sup> Eunice Thio, ' Some Aspects Of The Federation of The Malay States 1896 - 1910', *JMBRAS*, Vol. 40, Part 2, No 212, 1967, hlm.3.

<sup>59</sup> C.P. Lucas kepada Gabenor, 8 November 1895, CO 273/203.

Justeru itu perlantikan Ernest W. Birch sebagai Residen British (1897-1901) bagi menggantikan kematian Martin Lister pada 24 Februari 1897 telah memberi ruang ke arah kewujudan sebuah persekutuan di bawah pimpinan seorang Raja. Birch merupakan tokoh yang berusaha menyatukan kembali wilayah-wilayah kecil di Negeri Sembilan ke dalam satu persekutuan yang lebih besar dengan pemerintahan kuasa di bawah Yam Tuan Seri Menanti. Beliau telah mencadangkan bahawa bagi memudahkan aspek pentadbiran, seorang pemerintah bagi keseluruhan Negeri Sembilan perlu dilantik. Beliau mencadangkan agar Yam Tuan Seri Menanti dilantik sebagai Yam Tuan bagi keseluruhan Negeri Sembilan. Birch telah berbincang dengan Tunku Mohammad yang sememangnya menantikan peluang untuk menegakkan haknya. Tunku Mohammad telah bersetuju dengan cadangan Birch tersebut.

Seterusnya Tunku Mohamad telah menghantar jemputan kepada empat Dato Undang untuk datang ke Seri Menanti untuk menyaksikan upacara sembah sujud pada Hari Raya. Dato Johol sahaja menerima jemputan tersebut, Dato Undang yang lain memberi alasan tidak dapat hadir dan perlu berada di wilayah masing-masing bagi menerima penghormatan pada masa Hari Raya. Walaupun dijemput pada kali kedua namun jemputan tersebut ditolak di atas alasan "... their attendance might be construed to be waiver of the freedom from interference which they then enjoyed in the internal affairs of their respective states".<sup>60</sup>

---

<sup>60</sup> E.W.Birch, The Election and Installation of Tungku Muhammad, JSBRAS, No 46, 1906, hlm. 12.

Ini menyebabkan Birch memerintahkan mereka menghadiri satu mesyuarat di tempat kediamannya dan menyuruh mereka menerima Tunku Mohammad sebagai Yang Di Pertuan Negeri Sembilan. Kesemua Undang terpaksa akur dengan perintah Birch setelah beliau menyatakan "... that they were placing a strained construction upon the words of the agreement that the British Government had never intended that they were to repudiate the Raja who was the representative of the dynasty their own ancestors had set up ..."<sup>61</sup>.

Perjanjian tersebut yang merupakan asas kepada penubuhan Negeri Sembilan yang wujud pada hari ini telah ditandatangani pada 29 April di antara Yam Tuan Seri Menanti dengan Empat Undang dan pihak British di satu pihak yang lain.(Sila Rujuk Lampiran 4.2). Undang Johol diwakili oleh Dato Baginda Tan Mas memandangkan beliau kurang sihat. Pembesar-pembesar lain yang hadir ialah Undang Sungai Ujong, Tengku Besar Tampin, Dato Ulu Muar, Terachi, Jempol, Gunung Pasir, Inas, Gemencheh dan Dato Muda Linggi. Mereka (Undang, Pembesar dan Lembaga) memberi penghormatan kepada Yang Di Pertuan Besar.

Sekiranya diteliti perjanjian tersebut terdapat beberapa perkara menarik yang dapat dilihat. Artikel pertama perjanjian tersebut menyatakan persetujuan Yam Tuan, Empat Undang serta Residen British untuk mewujudkan sebuah konfederasi dengan menggabungkan Perlembagaan dan Adat Negeri Sembilan serta warisan nenek moyang yang berkaitan. Berdasarkan artikel inilah yang membawa kepada

---

<sup>61</sup> Ibid.

perlantikan Yam Tuan Seri Menanti sebagai Raja Negeri Sembilan oleh Empat Undang mengikut perlumbagaan lama.<sup>62</sup>

Artikel ketiga Perjanjian 1898 menyatakan Yam Tuan mengikut perlumbagaan lama tidak boleh mencampuri dalam urusan adat dan agama Islam. Setiap masalah yang timbul dalam negeri hendaklah diselesaikan melalui perundingan dengan Residen British.<sup>63</sup> Ini menunjukkan betapa berkuasanya seorang Residen sebagai penentu dalam aspek pentadbiran Negeri Sembilan.

Artikel keempat dalam perjanjian tersebut menyebut sekiranya timbul sebarang perbezaan pendapat di antara seorang Undang dengan Undang yang lain dan jika mereka memohon kepada Yam Tuan dengan menghadirkan diri, Yam Tuan boleh menyelesaikan masalah tersebut secara adil. Walau bagaimanpun jika mereka (Undang) tersebut menghadap Yam Tuan untuk membuat aduan atau petisyen secara bertulis, Yam Tuan tidak harus melayan aduan mereka.<sup>64</sup>

Berdasarkan artikel kelima perjanjian tersebut menyebut semasa sambutan Hari Raya dan Hari Raya Haji, Undang tidak perlu menghadap Yam Tuan Seri Menanti di istananya tetapi menyambut perayaan tersebut di negeri masing-masing mengikut perlumbagaan lama . Namun "...on great occasions such as ceremonies of marriage or circumcision, if we invite the four Lawgivers they shall carry out our wishes in their entirety".<sup>65</sup>

<sup>62</sup> W.G. Maxwell and W.S. Gibson, hlm. 65.

<sup>63</sup> R.O. Winstedt, 'Negri Sembilan, Their History, Polity and Beliefs Of Nine States', *JMBRAS*, Vol. X11, Part 111, 1934, hlm. 74.

<sup>64</sup> Ibid.

<sup>65</sup> Maxwell, hlm. 66

Turut disentuh dalam perjanjian tersebut ialah dalam upacara kemangkatan Yam Tuan, Empat Dato Undang harus membawa sumbangan wang seperti yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan.<sup>66</sup> Di samping itu para Undang akan bersatu untuk melantik putera raja dan menabalkannya sebagai Yam Tuan berdasarkan adat dan perlombagaan yang menjadi asas dalam perlantikan Yam Tuan sebelum ini.<sup>67</sup>

Walaupun perjanjian tersebut bertarikh 29 April 1898, namun ia tidak ditandatangani secara rasmi sehingga hari penabalan Tunku Mohammad pada 7 Mei 1898.<sup>68</sup> Dengan demikian boleh dikatakan Perjanjian 1898 telah membawa kepada kewujudan sebuah negeri yang unik bergelar Negeri Sembilan dengan pemerintahan kuasa di tangan seorang pemerintah yang bergelar Yam Tuan di Seri Menanti.

## KESIMPULAN

Campur tangan British di Negeri Sembilan dalam abad ke- 19 secara tidak langsung membawa kepada kemunculan Negeri Sembilan sebagai sebuah persekutuan yang wujud pada hari ini. Negeri Sembilan yang pada mulanya terdiri daripada beberapa wilayah yang mempunyai pemerintah yang berasingan, akhirnya berjaya disatukan ke dalam sebuah persekutuan dengan kuasa pemerintahan di tangan seorang Yam Tuan di Seri Menanti.

---

<sup>66</sup> Maxwell, hlm.66

<sup>67</sup> Ibid.

<sup>68</sup> E.W. Birch, hlm. 12.(Upacara Pertabalan hlm. 17 - 22)

Selain daripada beberapa tokoh yang berusaha ke arah percantuman wilayah - wilayah kecil di negeri tersebut seperti Cecil Smith, E.W. Birch dan Charles Mitchel personaliti Yam Tuan Seri Menanti iaitu Tunku Mohammad juga tidak dapat dinafikan dalam menyumbang ke arah mewujudkan persekutuan tersebut.

Malahan kepimpinan Tunku Mohammad diperakui sendiri oleh Swettenham yang menyatakan baginda merupakan seorang Raja Melayu yang cerdik, berkebolehan serta berpandangan luas.<sup>69</sup> Di samping itu baginda juga mempunyai idea-idea yang progresif mengenai aspek pentadbiran, hubungan yang baik dengan para pemerintah serta mudah bergaul dengan anggota masyarakat sama ada yang kaya mahupun miskin.<sup>70</sup>

Walaupun motif utama British menguasai negeri tersebut ialah untuk mengeksloitasi sumber-sumber ekonomi terutamanya bijih timah namun ketidakstabilan politik yang berlaku dalam negeri telah mendorong British untuk mengembalikan keamanan di negeri tersebut. Bagi memastikan keamanan di negeri tersebut dikenalkan, telah mendorong pihak British menggabungkan kesemua wilayah di dalam negeri tersebut ke dalam satu konfederasi yang bergelar Negeri Sembilan menjelang 1898.

---

<sup>69</sup> J.M. Gullick, 'The War With Yam Tuan Antah', *JMBRAS*, Vol. XXVII, Part 1, 1954, hlm. 22.

<sup>70</sup> Mubin, hlm. 67.